

RANGKA KERJA SEMAKAN PEMATUHAN E-INVOIS KINI DI PORTAL RASMI HASiL

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (HASiL) ingin memaklumkan bahawa Rangka Kerja Semakan Pematuhan e-Invois (RKe) telah dimuat naik ke portal rasmi HASiL sebagai rujukan kepada pembayar cukai, ejen cukai serta pihak berkepentingan. Dokumen ini boleh diakses dan dimuat turun melalui panduan mudah seperti yang berikut:

- i. Layari portal rasmi HASiL di www.hasil.gov.my;
- ii. Klik menu **Perundangan > Rangka Kerja Audit HASIL > Rangka Kerja Semakan Pematuhan e-Invois**
- iii. Atau melalui capaian pantas di pautan berikut:

(Versi Bahasa Melayu sahaja)

https://www.hasil.gov.my/media/vemjfro3/20251215_rangka-kerja-semakan-pematuhan-e-invois.pdf

Bagi menyokong pelaksanaan sistem e-Invois secara berkesan, RKe ini menggariskan hak dan tanggungjawab pegawai audit, pembayar cukai serta ejen cukai bagi memastikan semakan pematuhan e-Invois dilaksanakan secara adil, telus dan saksama.

Pelaksanaan inisiatif ini diharap dapat membantu pembayar cukai merancang dan mengurus hal-hal percukaian dengan lebih efektif, menjimatkan masa serta meningkatkan keberkesanan komunikasi antara pembayar cukai dan pegawai HASiL, sekali gus memperkasa penyampaian perkhidmatan HASiL kepada rakyat.

Sebarang pertanyaan serta maklum balas, sila hubungi kami menerusi:

- a) Hasil Contact Centre (HCC) di talian 03-8911 1000 / 603-8911 1000 (Luar Negara);
- b) HASiL Live Chat; dan
- c) Borang Maklum Balas di portal rasmi HASiL di pautan pantas <https://maklumbalaspelanggan.hasil.gov.my/Public/>

SEKIAN, TERIMA KASIH.

RISE BEYOND LIMITS

Dikeluarkan oleh:

Jabatan Khidmat Korporat

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

Hasil Contact Centre: 03-8911 1000 / 603-8911 1000 (luar negara)

Portal Rasmi : www.hasil.gov.my

Tarikh: 16 Disember 2025